

**TAHAP PENGUASAAN MURID TAHUN 3 DALAM  
MENJAWIKAN PERKATAAN MENGGUNAKAN MODUL KEM  
CEMERLANG JAWI**

Rohaya @ Rahaya Binti Abd Rashid  
(No. Matrik 1122553)

Latihan ilmiah ini dikemukakan untuk memenuhi syarat memperolehi  
IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN  
(PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH RENDAH) DENGAN KEPUJIAN

Fakulti Pengajian Bahasa Utama  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALASIA  
Nilai

Julai 2016

## PENGAKUAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Adalah dengan ini saya mengaku bahawa semua hasil tulisan dan tugas dalam kajian ini adalah hasil nukilan saya sendiri melainkan petikan dan ringkasan yang saya jelaskan sumbernya.

Tarikh: Jun 2016

Tandatangan :

Nama : Rohaya @ Rahaya binti Abd Rashid

No. Matrik : 1122553

Alamat : No 10 Jalan 18,  
Taman Sri Tanjung,  
43500 Semenyih,  
Selangor Darul Ehsan.

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim. Segala puji bagi Allah S.W.T. pemilik sekian alam serta selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad S.A.W. ahli keluarga dan sahabat-sahabat baginda. Tiada upaya dan kuasa melainkan dengan kuasa Allah S.W.T dan tiada ilmu bagiku melainkan apa yang Engkau ajarkan kepadaku. Allhamdulillah dengan izinMu dapat saya menyiapkan kajian ini bagi memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sekolah Rendah) Dengan Kepujian. Dikesempatan ini, penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada pensyarah pembimbing Pn Yurni Emilia binti Abd Hamid di atas kesudian dan komitmen yang begitu ikhlas dalam memberi bimbingan, panduan serta tunjuk ajar kepada saya sepanjang tempoh menyiapkan kajian ini.

Penghargaan ini juga diberikan kepada suami tercinta En. Rahmat bin Othman dan anakanda tersayang Hazim dan Hamizah, di atas sokongan dan dorongan serta pembakar semangat sepanjang pengajian ini. Terima kasih juga diucapkan kepada murid-murid Tahun 3, Sekolah Kebangsaan Ulu Semenyih yang menjadi responden dalam kajian ini.

Tidak dilupakan ucapan penghargaan dan terima kasih ini juga ditujukan kepada Guru Besar Sekolah Kebangsaan Ulu Semenyih, En. Md Tumiran bin Sapuan, Guru Penolong Kanan Petang, Pn Sharifah Noorzihan binti Syed Abdullah serta Penyelaras Program, Dr Noor Saazai binti Mat Saad di atas kerjasama, bantuan dan sokongan yang diberikan kepada penulis sepanjang pengajian ini dengan memberi dorongan agar dapat menamatkan pengajian di Universiti Sains Islam Malaysia ini dengan jayanya.

Tidak dilupakan ucapan ribuan terima kasih buat semua guru Sekolah Kebangsaan Ulu Semenyih dan rakan-rakan seperjuangan di atas kerjasama dan tunjuk ajar yang diberikan kepada penulis dalam manamatkan kajian ini.

Setinggi terima kasih juga kepada Kementerian Pelajaran Malaysia dan Universiti Sains Islam Malaysia kerana memberi tempat kepada saya untuk melanjutkan pengajian di Peringkat Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sekolah Rendah) Dengan Kepujian. Wassalam.

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap penguasaan murid dalam menjawab perkataan menggunakan Modul Kem Cemerlang Jawi di kalangan murid-murid beragama Islam Tahun 3. Kajian ini telah dijalankan secara ujian diagnostik, ujian pos dan soal selidik bagi mengukur tahap keberkesanan pembelajaran Jawi. Sampel terdiri daripada 80 orang murid beragama Islam di Sekolah Kebangsaan Ulu Semenyih, Selangor berdasarkan tempat penyelidikan bertugas. Data dianalisa secara statistik deskriptif yang menjuruskan kepada huraian peratus. Setelah huraian secara peratus dijalankan berbagai cadangan dan kajian untuk dilanjutkan. Kajian ini memberi satu alternatif bagi guru agama atau individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung untuk memperbaiki pengajaran dan pembelajaran di kelas serta meningkatkan kemahiran penguasaan tulisan Jawi untuk murid-murid beragama Islam tahap satu. Oleh itu, untuk memantapkan lagi penggunaan pembelajaran Jawi beberapa saranan dibuat sebagai kesinambungan ke arah mengembalikan semula keagungan tulisan Jawi dan meletakkan fungsi dan kedudukan yang tinggi setanding dengan tulisan-tulisan lain di dunia.

***Kata kunci: Jawi, Modul Kem Cemerlang Jawi, Ujian diagnostik, Ujian pos, Borang soal selidik.***

### ***ABSTRACT***

This research is an action research which was implemented in school in order to identify Jawi competency among students by applying the 'Modul Kem Cemerlang Jawi'. 80 Muslim students in Year 3, Sekolah Kebangsaan Ulu Semenyih, were involved in the research. This research was made using diagnostic test, post test and questionnaire, in order to determine the level of understanding in Jawi lesson among students. All of the data were analyzed using descriptive statistics, hence converted to percentage followed by recommendation, and suggestions for further research. Thus, it gives opportunity for teachers to improve their teaching skills the improve Jawi competency among students.

***Keywords: Jawi, Modul Kem Cemerlang, Diagnostic test, Post test, Questionnaire.***

## ISI KANDUNGAN

Perkara	Halaman	
HALAMAN TAJUK	i	
PENGAKUAN	ii	
PENGHARGAAN	iii	
ABSTRAK	iv	
ABSTRACT	v	
ISI KANDUNGAN	vi	
SENARAI JADUAL	viii	
SENARAI RAJAH	ix	
SENARAI LAMPIRAN	x	
SINGKATAN	xi	
<b>BAB 1</b>	<b>Pengenalan</b>	
1.1	PENDAHULUAN	1
1.2	LATAR BELAKANG MASALAH	2
1.3	PENYATAAN MASALAH KAJIAN	3
1.4	OBJEKTIF KAJIAN	6
1.5	PERSOALAN KAJIAN	6
1.6	SKOP KAJIAN	7
1.7	KEPENTINGAN KAJIAN	10
1.8	KERANGKA KAJIAN	12
1.9	DIFINISI ISTILAH	13
	1.9.1 Murid	13
	1.9.2 Keberkesanan	13
	1.9.3 Ujian Diagnostik	14
	1.9.4 Ujian Pos	14
1.10	KESIMPULAN	15
<b>BAB 2</b>	<b>Tinjauan Literatur</b>	
2.1	PENDAHULUAN	16
2.2	PERBINCANGAN TEORI YANG BERKAITAN	16
2.3	KAJIAN-KAJIAN TERDAHULU YANG BERKAITAN	19
2.4	KESIMPULAN	28
<b>BAB 3</b>	<b>Metodologi Kajian</b>	
3.1	PENDAHULUAN	29
3.2	REKA BENTUK KAJIAN	29
	3.2.1 Hipotesis Kajian	30
3.3	LOKASI KAJIAN	31
3.4	INSTRUMENTASI	32
3.5	SUMBER PENGUMPULAN DATA	32
	3.5.1 Persampelan	33

3.5.2 Pengumpulan data	33
3.5.3 Ujian Diagnostik	34
3.5.4 Ujian Pos	36
3.5.4 Soal selidik	38
3.6 CARA MENGANALISA DATA	39
3.7 ANDAIAN DAN KEKANGAN	40
3.8 KESIMPULAN	41
<b>BAB 4 HASIL KAJIAN</b>	
4.1 PENDAHULUAN	42
4.2 ANALISIS DATA	42
4.2.1 Analisis Ujian diagnostik	43
4.2.2 Analisis Ujian Pos	50
4.2.3 Perbandingan Keputusan Ujian diagnostik dengan ujian pos	58
4.2.4 Soal selidik	60
4.2.4.1 Bahagian A Maklumat responden	60
4.2.4.2 Bahagian B Minat dan sikap responden	63
4.2.4.3 Bahagian C Sikap responden terhadap guru dan pengajaran	68
4.2.4.4 Bahagian D Sikap responden dan keluarga	73
4.3 RUMUSAN	77
<b>BAB 5 PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI</b>	
5.1 PENDAHULUAN	78
5.2 RUMUSAN HASIL KAJIAN	78
5.3 PERBINCANGAN HASIL DAPATAN	79
5.4 IMPLIKASI KAJIAN	82
5.5 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN	86
5.6 PENUTUP	87
<b>RUJUKAN</b>	89
<b>LAMPIRAN</b>	92

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Halaman
3.1	Data ujian diagnostik dan ujian pos	35
3.2	Bentuk-bentuk soalan diagnostik	36
3.3	Bentuk-bentuk soalan ujian pos	37
3.4	Borang soal selidik	38
4.1	Keputusan peratusan setiap soalan dalam ujian diagnostik	44
4.2	Perincian keputusan ujian diagnostik	50
4.3	Perincian keputusan ujian pos	52
4.4	Perbezaan keputusan ujian diagnostik dengan ujian pos	58
4.5	Data Bahagian A Maklumat Responden	62
4.6	Jumlah responden dan peratus yang diperolehi dalam soal selidik bahagian B	68
4.7	Jumlah responden dan peratus yang diperolehi dalam soal selidik bahagian C	69
4.8	Jumlah responden dan peratus yang diperolehi dalam soal selidik bahagian D	73

**SENARAI RAJAH**

No. Rajah		Halaman
1.1	Carta alir menggunakan Modul Cemerlang Jawi	8
1.2	Kerangka kerja	12
2.1	Kedudukan program j-QAF dalam Pendidikan Islam	26
4.1	Jumlah responden yang lulus dan yang tidak lulus dalam ujian diagnostik	43
4.2	Perbezaan peratus kelulusan dan kegagalan setiap soalan diagnostik	45
4.3	Peratus pencapaian murid dalam ujian diagnostik	
4.4	Peratus pencapaian dalam ujian pos	51
4.5	Analisis setiap soalan mengikut bilangan responden	53
4.6	Analisis peratus pencapaian ujian pos	54
4.7	Keputusan perbezaan pencapaian dari segi jumlah murid	59
4.8	Keputusan perbezaan pencapaian dari segi peratus	59
4.9	Data kelas dan jantina murid Tahun 3	61

**SENARAI LAMPIRAN**

Lampiran	Perkara	Halaman
Lampiran 1	Surat Kebenaran Membuat Kajian	92
Lampiran 2	Ujian Diagnostik	93
Lampiran 3	Ujian Pos	94
Lampiran 4	Panduan pemarkahan ujian	95
Lampiran 5	Surat Pelaksanaan ujian Diagnostik	96
Lampiran 6	Surat Pekeliling pelaksanaantulisan Jawi disekolah-sekolah	97
Lampiran 7	Isi Kandungan Modul Kem Cemerlang Jawi	99
Lampiran 8	Contoh 1 Isi Kandungan Modul Kem Cemerlang Jawi	100
Lampiran 9	Contoh 2 Isi Kandungan Modul Kem Cemerlang Jawi	101
Lampiran 10	Borang Soal Selidik	103

**SINGKATAN**

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
j-QAF	Jawi- al-Quran, Bahasa Arab, Fardu Ain
BPI	Bahagian Pendidikan Islam
KCJ	Kem Cemerlang Jawi
PD	Pentingkan Diri
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
GPI	Guru Pendidikan Islam

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 PENDAHULUAN**

Tulisan Jawi merupakan warisan tulisan Melayu yang patut diagungkan malahan ia juga merupakan elemen terpenting dalam mempelajari dan mendalami ajaran agama Islam. Walaupun agama Islam itu boleh dipelajari dengan pelbagai cara, namun dengan kedatangan Islam wujudnya tulisan Jawi. Ini bagi memudahkan umat Islam di Malaysia ini mempelajari al-Quran dan Hadis Rasulullah S.W.A kerana keduanya dalam tulisan Jawi (Bahasa Arab)

Sebagai seorang yang mempunyai kesedaran dalam memelihara warisan ini, kita tidak mahu pelajar-pelajar masa kini membaca al-Quran dan Hadis di dalam tulisan Rumi yang akan mendatangkan permasalahan dan pemesongan sebutan. Ini akan menjejaskan makna ayat-ayat al-Quran dan Hadis. Kejahilan ini menjadi penyebab kegagalan penguasaan dan penghayatan al-Quran dan ajaran Islam itu sendiri. Oleh yang demikian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), sewajarnya meluaskan penggunaan tulisan Jawi di sekolah-sekolah rendah dan menengah termasuk termasuk juga di institusi-institusi pengajian tinggi swasta dan institusi-institusi perguruan dan berusaha memperkenalkan kepada masyarakat tentang tulisan Jawi.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 PENDAHULUAN**

Di zaman modenisasi ini, tulisan Jawi semakin di anak tirikan. Kebanyakan masyarakat kini kurang menitikberatkan tulisan Jawi dan hanya membaca buku, surat khabar, majalah dan sebagainya dalam tulisan Rumi. Maka, kesan daripada itu, tulisan Jawi kian dilupai dan menjadi masyarakat kian alpa untuk membaca dan menulis Jawi. Oleh itu, tulisan Jawi perlulah dipertahankan dan diaplikasi dalam kehidupan seharian.

#### **2.2 PERBINCANGAN TEORI YANG BERKAITAN**

Dalam membuat kajian penyelidikan ini, penyelidik lebih suka menggunakan Konsep Khas Teori Behaviorisme (Ivan Pavlov) ini kerana teori ini menggunakan gerak balas. Dalam penulisan Rabiatul Faezah Rameli et.al (2010) Teori Behaviorisme (Ivan Pavlov) menerangkan “Gerak balas ialah apa sahaja tingkah laku yang timbul akibat daripada rangsangan. Manakala rangsangan pula adalah apa sahaja bentuk tenaga yang menimbulkan gerak balas pembelajaran boleh berlaku akibat kaitan di antara rangsangan dengan gerak balas. Rangsangan juga boleh dikaitkan dengan satu

rangsangan yang lain untuk mendatangkan pembelajaran”. Teori ini bersesuaian dengan kajian penyelidikan, kerana penyelidik menggunakan cara rangsangan seperti memberi imbuhan jika mereka melepasi tahap yang dikehendaki oleh guru.

Menurut UPSI-KPT4033 Group S (2012) Teori Pengajaran tingkah laku, “Teori B.F Skinner sangat bersesuaian dengan guru di sekolah sebagai contoh dalam pengajaran guru selalu menggunakan pujian 'bagus' atau 'betul' kepada pelajar-pelajar yang menjawab soalan dengan betul, untuk mengukuhkan jawapannya, manakala ‘cuba lagi’ bagi jawapan yang salah atau tidak tepat. Gred dan markah digunakan bagi menggalakkan pelajar tersebut belajar. Pelajar yang terbaik pula diberi hadiah tahunan”. Kesemua ini adalah berdasarkan teori tingkah laku. Pembelajaran berlaku dalam proses pelaziman operan kerana ini melibatkan berbagai-bagai gerak balas operasi.

Opportunity (Peluang Teori Behaviorisme) yang digunakan oleh penyelidik kerana guru perlulah mengamalkan pengajaran yang seimbang iaitu dengan mengurangkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran berpusatkan guru tetapi sebaliknya lebih banyak mempraktikkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan pelajar dan aktiviti. Melalui teknik ini, murid dapat mengembangkan idea dan bebas memberi pendapat mereka. Murid juga mempunyai tahap keyakinan yang lebih tinggi. Ini bersesuaian dengan tahap pemikiran murid yang terlibat dengan pemulihan Jawi menggunakan Modul KCJ. Murid memerlukan latihan perkataan atau huruf yang dipamerkan bagi mengingat perkataan atau huruf tersebut.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI PENYELIDIKAN**

#### **3.1 PENDAHULUAN**

Kajian ini merupakan satu kajian penyelidikan mengenai keberkesanan murid dalam menjawab perkataan setelah murid mengikuti Modul KCJ. Berdasarkan tujuan kajian di atas, bab ini akan membincangkan mengenai reka bentuk penyelidikan, lokasi kajian, perampelan, pengumpulan data, ujian diagnostik, ujian pos, borang soal selidik dan analisis data.

#### **3.2 REKA BENTUK PENYELIDIKAN**

Dalam kajian permasalahan menulis Jawi dari perkataan Rumi atau menjawab perkataan, penyelidik memilih reka bentuk kajian tinjauan kuantitatif. Melalui reka bentuk ini penyelidik akan dapat mengumpul maklumat secara langsung daripada responden melalui ujian diagnostik, ujian pos dan borong soal selidik yang diberikan kepada murid tersebut.

Ujian diagnostik yang diberikan kepada semua murid tahun 3 bagi membolehkan penyelidik mengetahui tahap penguasaan murid dalam

menjawab perkataan di bahagian 3 sebelum menggunakan Modul KCJ manakala ujian pos pula membolehkan penyelidik mengetahui tahap penguasaan dan keberkesanan murid menjawab perkataan setelah mengikuti sesi pengajaran semasa Pelajaran Jawi. Pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan oleh guru ini menggunakan kaedah dalam Modul KCJ. Borang soal selidik pula membolehkan penyelidik mengetahui sebab kelemahan pelajar menguasai kemahiran menulis perkataan dalam tulisan Jawi samada faktor dalam diri murid, faktor minat atau yang masalah pengajaran guru yang sukar difahami oleh murid tersebut. Semua proses kajian sangat penting dan saling berkait di antara satu sama lain bagi mendapatkan satu hasil kajian yang tepat dan sahih

Menurut kajian Shazana Muhamed Sa'ad (2009), menyatakan dalam menguasai kemahiran menulis dalam tulisan Jawi bukanlah sesuatu yang mudah seperti kemahiran menulis dalam bahasa yang lain. Ia memerlukan keupayaan kognitif dan psikomotor, perkembangan dan kecekapan deria motor yang sempurna untuk membentuk dan menghasilkan bentuk-bentuk huruf di samping memerlukan koordinasi mata dan otak.

### **3.2.1 HIPOTESIS KAJIAN**

Berdasarkan persoalan kajian, hipotesis yang telah diuji adalah seperti berikut:

- i. Terdapat perbezaan yang signifikan tahap penguasaan murid tahun 3 dalam menukarkan tulisan Rumi ke tulisan Jawi berdasarkan antara ujian diagnostik dan ujian pos (setelah mengikuti pengajaran dan

## **BAB 4**

### **HASIL KAJIAN**

#### **4.1 PENDAHULUAN**

Bab ini kan membincangkan tentang hasil analisis dan dapatan kajian yang diperolehi melalui ujian diagnostik, ujian pos dan soal selidik. Penyelidik menggunakan statistik yang diperolehi melalui Microsoft Excel kemudian hasil analisis maklumat yang diperolehi dikumpulkan dan dicari peratusnya bagi setiap bahagian yang dianalisa. Dari analisa tersebut akan dihuraikan dengan memberi penjelasan, dibuat perbandingan hasil dari keputusan yang diperolehi akan diterjemahkan dalam bentuk grafik supaya lebih jelas pemahamannya dan lebih lengkap.


#### **4.2. ANALISIS DATA**

1. Analisis Ujian Diagnostk
2. Analisis Ujian Pos
3. Analisis Soal Selidik

### 4.2.1 Analisis Ujian Diagnostik

Terdapat 80 orang murid tahun 3 yang telah mengambil ujian diagnostik. Pemeriksaan kertas ujian diagnostik responden telah diperiksa dengan teliti sebagaimana yang ditaklimatkan oleh pihak pelaksana KCJ. Pemberian markah diagnostik ini melibatkan tersalah menjawikan perkataan seperti tidak letak titik, tidak cukup titik, tidak menyambung huruf yang boleh disambungkan, begitu juga sebaliknya, menambah atau mengurangkan huruf yang sepatutnya. Semua kesalahan tersebut tidak akan diberi markah atau markah “0”. Penulis akan memaparkan keputusan keseluruhan diikuti dengan huraian analisis setiap soalan dalam ujian tersebut.

**RAJAH 4.1:** Jumlah responden yang lulus dan yang tidak lulus dalam ujian diagnostik.



## **BAB 5**

### **PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI**

#### **5.1 PENDAHULUAN**

Bab ini membincangkan tentang keseluruhan kajian yang telah dibuat oleh penyelidik. Kenyataan huraian dalam bab ini akan memberi gambaran yang jelas dan merangkumi rumusan hasil kajian, implikasi dapatan kajian dan cadangan kajian lanjutan.

#### **5.2 RUMUSAN HASIL KAJIAN**

Kajian yang dijalankan oleh penyelidik bagi memastikan tahap penguasaan murid dalam menukarkan perkataan Rumi ke dalam tulisan Jawi iaitu menjawab perkataan bagi murid tahun 3 Sekolah Kebangsaan Ulu Semenyih. Jumlah responden adalah seramai 80 orang yang terdiri daripada 45 responden lelaki dan 35 responden perempuan dalam 3 buah kelas iaitu Kelas 3 Azam, Kelas 3 Cekal dan Kelas 3 Gigih. Mereka terdiri daripada pelbagai aras pencapaian prestasi iaitu cemerlang, sederhana dan lemah.

Di samping itu juga penyelidik telah mengenal pasti keberkesanan penggunaan Modul KCJ dapat mengatasi kelemahan murid dalam menjawab perkataan. Penyelidik telah menggunakan kaedah yang terdapat di dalam Modul Kem Cemerlang Jawi dalam pengajarannya. Alat pengukur dalam kajian ini ialah ujian diagnostik sebelum menggunakan Modul KCJ, dan ujian pos setelah menggunakan modul tersebut.

Penyelidik juga dapat merumuskan faktor yang menyebabkan murid lemah menulis dalam tulisan Jawi. Penggunaan borang soal selidik bagi mendapatkan faktor yang menyebabkan kelemahan murid dalam tulisan Jawi. Bagi mendapatkan data analisis, penyelidik menggunakan peratus bagi melihat keberkesanan menjawab perkataan.

### **5.3 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN**

Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, kelemahan responden dalam menjawab perkataan disebabkan tidak mengetahui kaedah-kaedah penulisan Jawi yang betul. Sebagaimana yang diketahui penulisan Jawi merupakan penulisan yang unit dan rumit dan perlukan latihan dan keterangan yang jelas. Menurut kajian Shazana Muhammed Saad (2009), penulisan dalam tulisan Jawi memerlukan keupayaan kognitif, psikomotor dan koordinasi mata dan otak bagi menghasilkan penulisan yang baik disamping teknik yang diajar dengan betul serta latihan dan bimbingan bermula dari awal lagi. Kajian daripada An-Nashmy (1980) memberi cadangan supaya GPI memilih kaedah yang boleh memberi kesan yang mendalam kepada kefahaman murid

## RUJUKAN

Ahmad Rozali, W.2013. *Hubungan Antara Persekitaran Keluarga Dan Gaya pembelajaran Dengan Pencapaian Jawi Tahun Empat Sek. Keb.Durian Mentangau, Terengganu*. (Master Thesis). Open University Malaysia.pp. 3- 43.

Akmariah Mamat dan Sofiah Ismail, November 2010 *Kaedah pengajaran dan pembelajaran guru pemulihan Jawi di Malaysia*, Universiti Kebangsaan Malaysia Proceedings of The 4th International Conference on Teacher Education; Joint Conference UPI & UPSI, Bandung, Indonesia, 8-10.

Asyraf Ridwan Ali & Berhanundin Abdullah. 2015. "*Falsafah Pendidikan Jawi Dalam Memperkasakan Tamadun Islam Di Malaysia*". Prosiding ICIC2015 – International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century. Terengganu: UNISZA. pp. 574 – 575.

Hashim Musa. 2005. "*Peranan Tulisan Jawi Dalam Perkembangan Islam Di Malaysia*". Jurnal Pengajian Melayu. Jil 16. 2005. pp. 86.

Kementerian Pelajaran Malaysia. 2006. Garis Panduan Pelaksanaan Program j-QAF. pp. 1- 62.

Kementerian Pendidikan Malaysia. 1963. Akta Bahasa Kebangsaan. Sekseyen 6.

Kementerian Pendidikan Malaysia. 1996. Akta Pendidikan.Seksyen 50. (1).

Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015. KPM.BPI600-1/3/13jld1(50).

Mahizer bin Hamzah et.al. 2016, KRL 3033 *Kaedah Penyelidikan Dalam Pendidikan Sekolah Rendah UPSI Pusat Program Luar* pp 107.

Mimijuana Ahmad. 2014. "*Penguasaan kemahiran membaca dan menulis jawi dikalangan murid Tahun 2: kajian Kes di Sekolah Kebangsaan Pekan Semporna Sabah*".SK Pekan Semenyih Selangor.

Mohd Mahzan Awang et.al, 2014, "*Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri Ke-10 (WPII0)*" Prosiding Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia Majlis Uagama Islam Sabah.

Mohd Mazhan Tamyis, Sharipah Nor Puteh 2011, *Pembelajaran Tulisan Jawi: Suatu usaha kearah mencintai warisan budaya bangsa*, Kerjasama Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Universitas Riau, Indonesia dan Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia.

Mohd Zamri Murah, Hamdan Abdul Rahman, Khairuddin Omar Tulisan Jawi Kali Kedua, 5-6 Disember 2011 *Tulisan Jawi dan Teknologi Maklumat*.,Persidangan Kebangsaan

Mohd. Aderi Che Noh, 2012, “*Memartabatkan Pendidikan Islam dan Bahasa Arab Serantau*” Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri Ke-9, Peringkat Serantau Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia Dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU-SB).

Mohd. Alwee Yusoff. 2005. “*Perkembangan Tulisan Jawi Dan Aplikasinya Dalam Masyarakat Islam Di Malaysia*”. Jurnal Usuluddin. Bil. 21. pp. 23 – 38.

Muhamad Suhaimi Taat dan Rosimah Ibrahim,.n.d *Hubungan Penguasaan Jawi dengan Proses Pengajaran Guru di Sekolah Rendah Negara Brunei*, Darussalam Universiti Malaysia Sabah.

Murni Hashim 2013. *Meningkatkan Penguasaan Kemahiran Membaca dan Menjawabkan Perkataan Rumi Murid Tahun 2 Dengan Menghunakan Sifir Jawi, Jadual Daftar Jawi-Rumi dan Jadual Kelompik Huruf Jawi*. SK Raja Chulan, Desa Cempaka, Ipoh.

n.d. 2012. “*Teori Pengajaran Tingkahlaku*”. UPSI-KPT4033-S.<https://upsi-kpt4033-s.wikispaces.com/Teori+pengajaran+tingkahlaku>. n.d.

Naimah Binti Said (2012) *Penggunaan Jadual Rumus Transliterasi Huruf Jawi-Rumi Dalam Pengajaran Kemahiran Menterjemah Tulisan Jawi Kepada Rumi*, Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP Pendidikan Islam amb. Januari 2009, Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012, ms 219-229. Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012/ 27 & 28 September 2012/ IPG KBL 219.

Nik Najmiah Nik Lah (2011). *Inovasi Pendidikan Islam dan Bahasa Arab*. Kangar: Red Frame Multimedia Sdn. Bhd

Nik Rosila Nik Yaacob. 2007. “*Penguasaan Jawi dan hubungannya dengan minat dan pencapaian pelajar dalam Pendidikan Islam*”. Jurnal Pendidik dan Pendidikan, Pulau Pinang. Penerbit USM. Jil. 22. pp.161–172.

Noorsyazwan Nazri. 2013. “*Permudah kaedah tulisan jawi*”. Utusan Online.3 Julai.n.d.

Noradilah binti Zulkifli (2011), *Meningkatkan Keupayaan menyebut Huruf Jawi Tunggal Dengan Sebutan Yang betul Menggunakan Kaedah Nyanyian*, Pengajian Agama B Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis.

Norhaida Shaarani et.al (2015) *Mengkaji Hubungan Sokongan Ibumama Terhadap Prestasi Akademik Pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis)* Proceeding of the 2nd International Conference on Management and Muamalah (2ndICoMM) 16th – 17th November 2015

Norizan Mat Diah and Nor Azan Mat (2013 , *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran asas Jawi bagi kanak-kanak prasekolah*. UKM Bangi, Selangor, Malaysia & Universiti Teknologi MARA (Pulau Pinang)

Nurul Syuhada Johari, Asmawati Suhid & Fathiyah Fakhrudin.(2013), “*Penelitian Terhadap Model J-Qaf Dan Masalah Perlaksanaanya Di Sekolah-Sekolah Rendah Di Malaysia*”.Seminar Pasca Siswazah Dalam Pendidikan (Greduc 2013).Serdang: Penerbit UPM. pp. 630 – 634.

Rizqi Amelia. 14 Oktober 2012. “*Sejarah Teori Behaviorisme*”. *Psikolog is my BIG Dream*. <http://psikologihidupku.blogspot.my/2012/10/sejarah-teori-behaviorisme.html>. p. n. d.

Roslan Abu Hassan.2014.*Kompetensi Guru Bukan Opsyen Yang Mengajar Kemahiran Teknikal Di Kolej Vokasional Negeri Pahang* (Tesis Sarjana). Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. pp. 28 – 35.

Siti Rokiah Mohd Rosdi & Zamri Raja .n.d. “*Meningkatkan penguasaan murid tahun tiga dalam menulis perkataan jawi berimbuhan akhiran akhiran ‘kan’ menggunakan kad PI-JA*”.Academia.Terengganu. Penerbit IPGKSM. n.d. p. 1 – 5.

Unit Pendidikan.1995. *Panduan Khas Tahun Tiga dan Empat*.pp. 25.

Abdull Sukor Shaari dan Kalaidevi. 2012, *Kesan pendekatan pembelajaran Masteri terhadap pencapaian kemahiran membaca bahasa melayu murid pemulihan sekolah rendah Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ) ISSN: 2180-4842. Vol. 2, Bil. 2: 92-103